

Dua pelatih lari dari Puspén Bukit Chabang

9 Mei 2022

Dua pelatih lari dari Puspén Bukit Chabang

Polis lancar Op Tutup, tiga sekatan jalan raya bagi mengesan kedua-dua tahanan berusia 51 dan 44 tahun

KANGAR

Polis sedang memburu dua tahanan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspén) Bukit Chabang, Béséri yang melarikan diri pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Padang Besar, Asisten Komisioner Mohd Shokri Abudullah berkata, kedua-dua tahanan lelaki itu masing-masing berusia 51 dan 44 tahun.

"Kali terakhir salah seorang tahanan dilihat memakai baju berwarna kuning dan berseluar track warna gelap, manakala seorang lagi memakai baju berwarna putih dan berseluar track gelap," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, pengurusan Puspén membuat laporan berhubung kejadian tersebut pada



Dua tahanan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspén) Bukit Chabang, Béséri melarikan diri pada Sabtu.

Sabtu dan Ibu Pejabat Polis (IPD) Padang Besar telah melancarkan Op Tutup bagi mengesan kedua-dua tahanan tersebut.

Beliau berkata, Op Tutup disertai tujuh pegawai dan 53 anggota polis dibantu seorang pegawai dan sembilan anggota dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Perlis.

"Polis turut melakukan tiga sekatan jalan raya dibantu Pasukan Gerakan Am," katanya.

Mohd Shokri berkata, kes ter-

sebut disiasat di bawah Seksyen 223 Kanun Keseksaan (kecuaiian penjawat awam membiarkan seseorang lari dari tahanan) dan Seksyen 224 Kanun Keseksaan (tentangan atau halangan terhadap penangkapan yang sah di sisi undang-undang).

Beliau berkata, setakat ini tiada tangkapan dibuat dan orang awam yang mempunyai maklumat boleh menyalurkan maklumat di talian 04-9492222 dan 04-9491481. - Bernama